Detektif Ayat Siber

Petikan Dialog: Tawaran Hadiah Misteri



Arahan:

1. Baca petikan dialog di bawah dengan teliti.
2. Bulatkan ayat tanya menggunakan pensel warna **biru.**
3. Bulatkan ayat penyata menggunakan pensel warna **merah.**
4. Labelkan setiap ayat yang dikenal pasti.



Aina : Wah, banyaknya mesej yang kamu terima hari ini!

Haris : Saya menerima mesej daripada individu yang mendakwa bahawa saya memenangi sebuah telefon pintar.

Aina : Adakah kamu mengenali individu yang menghantar mesej tersebut?

Haris : Saya tidak mengenali individu tersebut.

Aina : Mengapakah kamu masih percaya tawaran tersebut?

Haris : Saya tertarik dengan hadiah yang ditawarkan oleh individu itu.

Aina : Jangan beri maklumat peribadi kamu kepada orang yang tidak dikenali.

Haris : Adakah tawaran hadiah merupakan salah satu kaedah penipuan dalam talian?

Aina : Penipu dalam talian sering menggunakan tawaran hadiah untuk memperdaya pengguna Internet.

Haris : Apakah yang perlu saya lakukan sebelum menekan pautan yang diberikan?

Aina : Haris perlu semak kesahihan mesej tersebut melalui sumber yang dipercayai.

Haris : Cis, saya hampir memberikan maklumat peribadi saya!

Aina : Pengguna Internet yang bijak sentiasa berhati-hati sebelum berkongsi maklumat peribadi.





LIVEWORKSHEETS